

Penduduk Taiping bakal berdepan catuan air

Air kolam Bukit Merah menyusut

Oleh AZHARUL NASARUDDIN

TAIPING - Kira-kira 250,000 penduduk di daerah ini bakal berdepan catuan bekalan air sekiranya paras air kolam di Bukit Merah menurun sehingga 5.1 meter berikutan fenomena El Nino yang melanda negara.

Pengerusi Jawatankuasa Kemudahan Awam, Infrastruktur, Tenaga dan Air negeri, Datuk Zainol Fadzi Paharudin berkata, penurunan paras air kolam sehingga 5.7 meter dianggap yang terburuk setakat ini.

“Jika keadaan berterusan tanpa hujan, paras air kolam dijangka mampu bertahan selama 23 hari sahaja untuk sampai ke tahap 5.1 meter dan jika paras air kolam ini jatuh kepada 5.7 meter, seramai 250,000 penduduk daerah akan terkesan apabila sumber bekalan air bersih akan dicatu,” ujarnya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas melawat Empangan Bukit Merah yang kering akibat daripada fenomena El Nino di



KERATAN *Kosmo!* semalam.

Bukit Merah Lake Town Resort di sini semalam.

Menurut Zainol Fadzi, pihaknya telah merangka untuk meningkatkan ketinggian kolam Bukit Merah iaitu dari 8.6 meter kepada 10 meter yang menelan kos sebanyak RM200 juta bagi memastikan bekalan air mencukupi.

“Berdasarkan keadaan semasa, pihak kami telah menghentikan bekalan air untuk kegunaan pertanian namun bagi bekalan air bersih masih diteruskan.

“Sehingga kini kolam ini masih membekalkan sebanyak 120 juta liter sehari kepada dua loji air di Gunung Semanggol berbanding 150 liter sebelum ini,” katanya.



ZAINOL FADZI menunjukkan paras air kolam di Bukit Merah yang semakin menyusut semalam.